

PROSES KERJA

BIDANG: PERJAWATAN	KOD: JN 9.1		
AKTIVITI: TATA TERTIB	SUB-AKTIVITI: TINDAKAN TATA TERTIB KERANA KESALAHAN TATA KELAKUAN (MISBEHAVIOUR)		
PROSES KERJA	BORANG	UNDANG-UNDANG	JAWATAN
<p><b><u>PERKARA-PERKARA PENTING</u></b></p> <p>Tindakan tatatertib yang melibatkan hukuman berbentuk amaran sahaja boleh dilakukan oleh Ketua Jabatan. Lain-lain hukuman yang lebih berat hanya boleh dibuat oleh SUK/SPA.</p> <p>Antara tindakan-tindakan tatatertib ialah seperti berikut:-</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Amaran</li> <li>- Celaan</li> <li>- Denda</li> <li>- Lucut hak gaji</li> <li>- Tahan kenaikan gaji</li> <li>- Henti kenaikan gaji</li> <li>- Tangguh kenaikan gaji</li> <li>- Turun gaji</li> <li>- Turun pangkat</li> <li>- Buang kerja</li> </ul> <hr/> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Terima laporan tentang kesalahan kelakuan seseorang pegawai yang bertentangan dengan peraturan-peraturan yang ada.</li> <li>2. Lakukan siasatan dan pastikan jenis kesalahan yang dilakukan oleh pegawai berkenaan.</li> <li>3. Rujuk kepada Ketua Jabatan.             <ol style="list-style-type: none"> <li>3.1 Jika kesalahan ringan dan yang pertama, berikan amaran kepada pegawai secara lisan.</li> <li>3.2 Jika amaran secara lisan pernah diberi dan tidak berkesan, keluarkan amaran secara bertulis dan rekodkan dalam fail peribadi pegawai.</li> <li>3.3 Jika tindakan tatatertib yang dicadangkan melibatkan penahanan gaji, turun pangkat dan hukuman yang lebih berat seperti pembuangan kerja, rujuk kes kepada Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK/SPA).</li> <li>3.4 Jika terima kesalahan melalui laporan polis yang pegawai disyaki melakukan kes jenayah dan akan dituduh di mahkamah, ambil tindakan untuk menahan kerja ('interdict') pegawai dan rujuk kepada SPA (melalui SUK).</li> </ol> </li> </ol>		<p>Perintah Am Sarawak 1996</p> <p>Peraturan-Peraturan SPA 1996</p> <p>Seksyen 10 (5) Akta Pencerr. P.A. 296. Perintah Am 1996.</p>	

PROSES KERJA	BORANG	UNDANG-UNDANG	JAWATAN
<p>3.5 Jika kesalahan kelakuan disyaki disebabkan oleh sakit jiwa, rujuk kepada aktiviti JN 9.2 - Tindakan Tatatertib Kerana Sakit Jiwa.</p> <p>4. Terima keputusan hukuman dari Setiausaha Kerajaan.</p> <p>5. Jalankan hukuman seperti yang diarahkan oleh SUK.</p> <p>6. Jika ada rayuan dari pegawai yang tertuduh, kemukakan rayuan kepada SUK dengan ulasan Lembaga Tatatertib Jabatan.</p> <p>7. Terima jawapan dari SUK.</p> <p>7.1 Jika rayuan diterima oleh SUK, beritahu pegawai dan teruskan kerja seperti biasa.</p> <p>7.2 Jika rayuan ditolak oleh SUK, beritahu pegawai.</p> <p>8. Rekodkan tindakan tatatertib dalam fail peribadi pegawai.</p> <p>9. Beritahu Akauntan Negeri jika tindakan melibatkan perubahan gaji.</p> <p>10. Beritahu Pusat Rekod Jabatan Perkhidmatan Awam, Kuala Lumpur.</p> <p>11. Tamat.</p>			